

D832

R B467 DEB

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGATI PARA GRADUAN BAHAWA SIJIL YANG DIPEROLEHI BUKANNYA KUNCI UNTUK MENDAPATKAN PELUANG KERJA DENGAN GAJI TERTENTU..

BEGITU JUGA KURSUS YANG DIIKUTI BUKAN HANYA UNTUK MENDAPATKAN SIJIL DAN IJAZAH YANG CANTIK YANG BOLEH MENGHIASI PEJABAT ATAU RUMAH BERSAMA-SAMA DENGAN GAMBAR KONVO.

YANG PENTING, KATANYA IALAH APLIKASI SEGALA ILMU YANG TELAH DIPELAJARI UNTUK URUSAN KERJA SUPAYA KERJA MENDATANGKAN HASIL YANG DIHARAPKAN.

KETIKA MERASMIKAN EKSPLO KEUSAHAWANAN PELAJAR DI CANGKAT PAVILLION DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN: +GAJI YANG BESAR DAN PANGKAT YANG TINGGI TIDAK BERMAKNA JIKALAU KERJA YANG DIJALANKAN TIDAK BERMUTU DAN KERUGIAN DIALAMI SEPANJANG MASA. +

KEPADA BUMIPUTERA, BELIAU MENASIHATI MEREKA AGAR TIDAK TERLALU BERHARAP KEPADA KERAJAAN UNTUK MEMUDAHKAN MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM APA JUA BIDANG YANG DICEBURI SETELAH MENDAPAT IJAZAH DAN KELULUSAN. -- LAGI.

1253MST 07 12 85

D833

R B468 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+TANGGUNGJAWAB KERAJAAN IALAH UNTUK MEMBERI PERMULAAN MELALUI BEKALAN ILMU. SELEPAS ITU MENJADI TANGGUNGJAWAB MASING-MASING MENCARI KEJAYAAN, + TEGASNYA.

MENGENAI USAHA-USAHA KEUSAHAWANAN DI NEGARA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DITUBUHKAN BERTUJUAN MEMBEKALKAN NEGARA DENGAN BAKAL PENGURUS YANG BERKELAYAKAN.

KATANYA WALAUPUN BANYAK DARIPADA PENIAGA TEMPATAN TIDAK BELAJAR BERNIAGA SECARA FORMAL, TETAPI DALAM KEADAAN EKONOMI MASYARAKAT MODEN YANG BEGITU KOMPLEKS, PENGURUSAN TIDAK LAGI MUDAH.

+IA MEMERLUKAN KEBOLEHAN DALAM BIDANG PENGURUSAN KAKITANGAN, PENGURUSAN PROJEK, PENGURUSAN KEWANGAN, FAHAMAN BERKENAAN DENGAN BAHAN, PROSES DAN KOS DAN SEBAGAINYA YANG, WALAUPUN BOLEH DIPEROLEHI MELALUI PENGALAMAN, TETAPI PEMBELAJARAN BOLEH MEMENDEKKAN PROSES PENGALAMAN. +

KATANYA MENERUSI UUM NEGARA DIHARAPKAN AKAN MEMPUNYAI LEBIH BANYAK PENGURUS YANG BERKEBOLEHAN DALAM JANGKA MASA YANG SINGKAT AGAR KERUGIAN YANG DIALAMI SEKARANG BAIK DALAM SYARIKAT KERAJAAN ATAU SWASTA DAPAT DIKURANGKAN.

-- LAGI.

1255MST 07 12 85

0853

U B480 DEB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN USAHAWAN TEMPATAN BERFIKIRAN BARU DALAM MEMAJUKAN BIDANG YANG DICEBURI BAIK BERNIAGA BUKU, BURGER ATAU BENGKEL MOTOR DAN BUKANNYA MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA IKUT-IKUTAN.

KATANYA KESAN DARIPADA KESESAKAN DALAM SATU-SATU BIDANG PERNIAGAAN IALAH SEMUA PENIAGA TIDAK MENDAPAT PELANGGAN YANG CUKUP.

DENGAN MENGGUNAKAN PENGELUARAN CILI SOS SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA BERPULUH-PULUH SYARIKAT KECIL MENYERTAI BIDANG ITU DI NEGARA INI SEDANGKAN LEBIH BAIK JIKA HANYA ADA SATU DUA SAHAJA YANG BESAR YANG CUKUP MODAL DAN DAPAT MENGURANGI KOS MELALUI EKONOMI SKEL.

PERDANA MENTERI BERKATA BULAN NOVEMBER LALU MERUPAKAN BULAN YANG PENUH DENGAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN TERMASUK PENGHANTARAN ROMBONGAN KE OMAN UNTUK MEMBUKA JALAN BAGI PERDAGANGAN DENGAN NEGARA ITU.

AKTIVITI-AKTIVITI LAIN TERMASUK SEMINAR USAHAWAN BUMIPUTERA, PAMERAN TELEFON BUATAN MALAYSIA, PELANCARAN KOMPUTER PERTAMA BUATAN MALAYSIA DAN PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA 10 USAHAWAN UTAMA NEGARA. -- LAGI.

1348MST 07 12 85

0854

U B481 DEB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT SEMUA GERAI, DATUK SERI DR MAHATHIR PUASHATI DENGAN PENCEBURAN PERNIAGAAN OLEH MURID-MURID SEKOLAH ITU.

MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN MENGANJURKAN EKSPLO YANG SAMA DI SETIAP NEGERI TAHUN HADAPAN DENGAN KEMUNCAKNYA SATU EKSPLO PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI.

KATANYA EKSPLO YANG DIADAKAN HARI INI MERUPAKAN ERA BARU DALAM PENDIDIKAN NEGARA YANG BERTUJUAN MELATIH PARA PELAJAR SUPAYA SANGGUP BERDIKARI DALAM MENCEBURI PERNIAGAAN SELEPAS TAMAT SEKOLAH.

SEBANYAK 122 BUAH SEKOLAH DARI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM EKSPLO ITU YANG AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA ISNIN DEPAN. -- BERNAMA.

1349MST 07 12 85